



PERSEPSI RAKYAT TERHADAP INSTITUSI RAJA: SATU KAJIAN KES DI PERLIS DAN KEDAH

Ramlah Adam¹, Noormaizatul Akmar Ishak²

Universiti Malaysia Perlis

¹ramlahadam@unimap.edu.my, ²maizatul@unimap.edu.my

ABSTRAK

Institusi Raja di Malaysia adalah satu institusi tradisional yang sedia ada sebagai teras sistem pemerintah dan pentadbiran sesebuah kerajaan Melayu, yang muncul sejak awal kurun ke-11 di Malaysia. Raja sebagai teras kerajaan-kerajaan Melayu, pada masa dahulu adalah katalis kepada kewujudan sesebuah kerajaan. Dalam konsep pemerintahan Raja Mutlak, kerajaan –kerajaan Melayu diasaskan dan diperintah dengan sepenuhnya oleh seorang raja dengan kuasa yang penuh dan berdaulat. Ditangan bagindalah terletaknya semua punca kuasa dan perintah dalam pengurusan negeri dan jajahan takloknya. Perubahaan berlaku selepas kuasa pentadbiran tempatan diambil alih oleh British dan Jepun sebagai penguasa politik Tanah Melayu pada kurun ke-19 dan ke-20. Namun institusi raja tidak dihapuskan tetapi kekal sebagai ketua negeri dan jajahan takluknya, walaupun pentadbiran dipegang oleh kuasa asing. Pemerintahan selari diwujudkan dan bergerak bersama-sama. Dengan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948, konsep Raja Berperlembagaan diperkenalkan. Ini diteruskan selepas kemerdekaan 1957 dan penubuhan Malaysia 1963. Perlembagaan Malaysia pada hari ini menggunakan konsep Raja Berperlembagaan bagi institusi raja, dan dilaksanakan seiring dengan konsep Demokrasi Berparlimen.

Satu kajian kes telah dilakukan ke atas persepsi rakyat terhadap institusi raja di Malaysia. Tujuannya ialah untuk melihat sejauhmana pandangan dan pemahaman rakyat umum terhadap institusi ini. Ini termasuklah pengetahuan mereka terhadap Raja-raja Negeri-negeri, kedudukan Raja-raja dalam Perlembagaan Malaysia, peranan dan sumbangan mereka di dalam pemerintahan Negara serta kriteria yang diperlukan oleh rakyat kepada raja sebagai ketua atau pemerintah Negara. Hasil daripada kajian kes yang dilakukan ke atas 177 orang di Perlis dan 159 orang di Kedah, dengan soalan-soalan yang sama, ternyata terdapat satu keadaan persepsi yang berbeza-beza di antara kaum, lokasi tempat tinggal, taraf pendidikan yang diterima, pendedahan dan harapan mereka terhadap institusi raja di Malaysia. Pada keseluruhannya, orang Melayu mempunyai pengetahuan yang tinggi dan persepsi yang baik terhadap institusi raja. Pendedahan dan budaya yang mendaulatkan pemerintahan beraja yang telah menjadi teras masyarakat Melayu selama ini, telah menjadikan mereka tidak asing kepada institusi ini. Para pelajar dan mereka yang bekerja dengan kerajaan juga mempunyai persepsi yang positif mengenai institusi ini. Terdapat juga pemahaman yang kurang dalam kalangan kaum-kaum tertentu. Walau bagaimanapun, semua kaum yang menjadi rakyat Raja Perlis dan Kedah mempunyai harapan yang tinggi kepada raja sebagai

pemimpin mereka yang berwibawa. Dicadangkan lebih banyak pendedahan diberikan kepada orang ramai bagi memperkukuhkan dan memperluaskan persepsi positif mereka terhadap institusi raja dan kepentingannya kepada pemerintahan dan pentadbiran Negara.

Kata kunci: *raja mutlak, raja berperlembagaan, demokrasi berparlimen, perlembagaan Malaysia, rakyat.*

PENGENALAN

Sejarah Melayu menekankan bahawa negeri hanya wujud selagi wujudnya seorang raja yang memerintah sebagai ketuanya. Oleh itu, kerajaan yang dibentuk berteraskan raja sebagai pemerintah dan pengurusan pentadbiran negerinya secara sepenuhnya atau mutlak. Tanpa seorang raja yang diterima oleh rakyatnya sebagai berdaulat, maka tidaklah terbentuk sebuah kerajaan dan negeri yang dianggap sebagai satu entiti pemerintahan yang boleh menguruskan masyarakat yang terdiri daripada rakyat jelata yang bernaung dibawahnya. Raja menjadi katalis kepada kewujudan kerajaan dan negeri tersebut. Inilah yang dinamakan sistem pemerintahan Raja Mutlak. Kerajaan Melayu Melaka adalah contoh kerajaan Melayu yang telah memulakan tradisi dan tamadun sistem kerajaan Melayu beraja yang diteruskan sehingga hari ini di Malaysia.

Dalam sistem politik Melayu Islam, Raja juga adalah sumber dan pusat kuasa. Raja adalah penyusun adat istiadat, pemilik kerajaan dan berdiri teguh mempertahankan imej Negara Islam dalam sebuah masyarakat yang bahagia serta mengamalkan undang-undang syariah Islam. Kuasa Raja adalah restu daripada daulat yang dimiliki oleh Raja tersebut. Kuasanya disalurkan bagi menggerakkan jentera serta tenaga-tenaga pemerintahan dan pentadbiran (Baharuddin Che Pa). Raja dan rakyat harus memahami tugas masing-masing dan bertindak berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Raja yang melanggar perjanjian akan menerima balasan yang setimpal, akan kehilangan kuasa dan takhta kerajaannya. Begitu juga bagi pihak rakyat yang derhaka, akan menerima bala bencana yang serupa, binasa diri dan seluruh kehidupannya (Jelani Harun). Wa'dat Raja dan Rakyat di Bukit Seguntang Mahameru terpakai sebagai perjanjian social dan politik kerajaan Melayu diseluruh Alam Melayu.

Institusi Raja dan Bidang Kuasanya dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Institusi Raja-Raja Melayu pada hari ini merupakan kesinambungan sejarah dan warisan tamadun bangsa yang telah memberikan kesan positif kepada kestabilan sosial, politik dan ekonomi sesebuah kerajaan yang berdaulat seperti Malaysia (Mohd Sufiean Hassan, 2013). Pentingnya institusi Raja dapat dilihat dengan jelas dan nyata termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Sepuluh peratus (10%) atau 19 dari 183 Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan adalah Perkara-perkara berkaitan Raja, yang berperanan penting dalam struktur Kerajaan dan struktur Negara bangsa (Raja Nazrin Shah, 2013). Malaysia dengan itu mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berpelembagaan dan bukannya sistem monarki, seperti sebelum merdeka. (Mohd Sufiean Hassan, 2013).

Tidak dinafikan ketetapan untuk terus mendaulatkan institusi Raja adalah satu pelanjutan sistem kerajaan, adat budaya tradisional dalam era moden. Keindahan adat serta kekayaan budaya teranyam kukuh dalam perlembagaan dan pembentukan negara bangsa Malaysia.(Raja Nazrin Shah, 2013). Ini juga adalah satu transformasi konsep Raja Mutlak kepada Raja Berpelembagaan.Ini adalah satu sumbangan kepada tamadun ummah dan Alam Melayu (Mohd Sufiean Hassan, 2013)kepada peradaban hari ini.

Institusi Yang di-Pertuan Agong telah diwujudkan pada 31 Ogos 1957 dengan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.Yang di Pertuan Agong dipilih oleh sembilan orang Raja-raja Melayu mengikut kedudukan paling kanan berdasarkan tarikh menaiki takhta (Mohd Sufiean Hassan, 2013). Perlembagaan Persekutuan meletakkan Yang di Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara (Perlembagaan Negara, Perkara 32), (Mohd Sufiean Hassan, 2013; Raja Nazrin Shah, 2013). Sesungguhnya, kewujudan takhta Ketua Utama Negara dan kaedah lantikan Yang Dipertuan Agong, adalah satu kehebatan keaslian inovasi yang telah mengekalkan identiti negara bangsa (Raja Nazrin Shah, 2013). Ia merupakan jawatan unik yang tidak ada di mana-mana negara lain di dunia ini kerana Malaysia merupakan satu-satunya negara yang mempunyai Ketua Negara yang digilir-gilirkan pemerintahan mereka setiap lima tahun sekali. Yang di Pertuan Agong mempunyai seorang Timbalan Yang di Pertuan Agong bagi menjalankan pemerintahan sekiranya Baginda melakukan lawatan keluar Negara selama lebih 15 hari atau pun gering. (Mohd Sufiean Hassan, 2013).

Dalam konsep Raja Berpelembagaan yang diamalkan pada hari ini, Raja-raja tidak lagi berkuasa memilih pentadbir-pentadbir negeri dan Negara. Kini pilihan itu dibuat oleh rakyat dalam setiap pilihanraya yang dijalankan. Orang ramai berhak memilih sesiapa sahaja yang difikirkan sesuai pada pandangan mereka sebagai kerajaan untuk mengurus dan mentadbir Negara. Dengan itu kuasa mutlak Raja dalam pentadbiran telah ditiadakan; kuasanya hanya melantik Perdana Menteri, Jemaah Menteri dan Menteri Besar daripada parti yang mendapat suara majoriti dalam pilihan Parlimen ataupun Negeri.Dengan itu rakyat berkongsi kuasa dengan raja yang memerintah.Namun,rakyat harus ingat bahawa Sultan(Raja)atau Yang di Pertuan Besar yang memerintah sebagai ketua negeri berhak mengikut budi bicaranya melantik Perdana Menteri dan kabinetnya atau Menteri Besar dan ahli-ahli exconya ,setelah sesebuah kerajaan(oleh parti-parti/parti yang mendapat suara majoriti) itu ditubuhkan diperingkat Negara ataupun Negeri.Dengan itu kuasa YDPA, Sultan,Raja dan YDPB,tetap jelas mengatasi kuasa rakyat.Ini dengan jelas disebut dalam Perkara 43,43A.Begitu juga dengan perantikan Senator,yang juga menunjukkan kuasa Yang di Pertuan Agong,seperti yang termaktub dalam Perkara 45. (Ramlah Adam, 2013,2014).

Ramai rakyat Malaysia yang tidak memahami bahawa walau pun kedudukan Raja dari segi Perlembagaan telah dipinda, bukan keseluruhan kedaulatannya diserahkan kepada rakyat. Antara peranan Yang DiPertuan Agong ialah:

- Di dalam Perlembagaan, Yang Dipertuan Agong(YDPA) adalah Ketua Agama Islam bagi negeri Baginda di samping berperanan sebagai Ketua Agama Islam di negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(3),4. (Khoo Kay Kim, 2009; Nazri Muslim, 2013; Mohd Sufiean Hassan, 2013; Raja Ahmad Mukhlis; Raja Nazrin Shah, 2013),

- Baginda bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 153) (Khoo Kay Kim, 2009; Nazri Muslim, 2013; Raja Nazrin Shah, 2013).
- Yang di Pertuan Agong, mempunyai kewajipan memelihara kepentingan orang bukan Melayu yang menjadi warganegara kerana di dalam Perlembagaan, Raja adalah Ketua semua warganegara Malaysia. (Khoo Kay Kim, 2009; Nazri Muslim, 2013),
- Yang di Pertuan Agong secara jelas mempunyai kuasa dalam tiga bidang kuasa pentadbiran iaitu Legislatif, Eksekutif dan Kehakiman. Diperingkat Negeri juga, Sultan, Raja dan YDPB mempunyai bidang kuasa yang sama.
- Diperingkat Parlimen pula terdapat tiga komponen kuasa, iaitu Yang di Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat, seperti yang termaktub dalam Perkara 44. (Mohd Sufiean Hassan, 2013) (Raja Nazrin Shah, 2013),
- Diperuntukkan supaya Yang di Pertuan Agong menurunkan cap mohor kepada Rang Undang-undang yang telah dibahas dan diterima oleh kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 66. (Mohd Sufiean Hassan, 2013; Raja Nazrin Shah, 2013).
- Yang di Pertuan Agong mempunyai kuasa memanggil, menangguh dan membubarkan Parlimen bagi membolehkan pilihanraya diadakan, seperti ditulis dalam Perkara 55. (Mohd Sufiean Hassan, 2013; Raja Nazrin Shah, 2013),
- Yang di Pertuan Agong adalah Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan, seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 41. (Nazri Muslim, Mohd Sufiean Hassan, 2013; Raja Nazrin Shah, 2013),
- Yang di Pertuan Agong berkuasa mengampuni dan menangguhkan sesuatu hukuman, seperti yang tertulis dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 42. (Mohd Sufiean Hassan, 2013; Raja Nazrin Shah, 2013),
- Baginda diperuntukkan budi bicara melantik seorang Perdana Menteri dan tidak memersetujui permintaan membubarkan Parlimen oleh Perdana Menteri. Perdana Menteri mesti meletakkan jawatan kabinetnya, seperti tertulis dalam Perkara 43(4), Perlembagaan Persekutuan.
- Yang di Pertuan Agong boleh menitahkan supaya diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja untuk membincangkan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, seperti yang tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 40(2). (Mohd Sufiean Hassan, 2013; Raja Nazrin Shah, 2013).
- Baginda diperuntukkan kuasa melantik dan membatalkan lantikan jawatan Menteri dan Timbalan Menteri, seperti yang tersebut dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 43(5) dan 43A(3). (Mohd Sufiean Hassan, 2013; Raja Nazrin Shah, 2013)
- Yang di Pertuan Agong diperuntukkan kuasa membuat pengisytiharan darurat, seperti peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 150.
- Yang di Pertuan Agong berkuasa mengisytiharkan apa-apa sahaja ordinan sekiranya kedua-dua Dewan Parlimen tidak bersidang secara serentak, seperti yang terdapat dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 150(2B). (Mohd Sufiean Hassan, 2013; Raja Nazrin Shah, 2013).
- Yang di Pertuan Agong diperuntukkan kuasa atas nasihat Perdana Menteri untuk melantik ahli Suruhanjaya Pasukan Polis, seperti yang diperuntukkan Perkara 140(3)) (Raja Nazrin Shah, 2013).
- Yang di Pertuan Agong mempunyai kuasa am kepada Majlis Angkatan Tentera yang bertanggungjawab dalam perintahan, tata tertib dan pentadbiran angkatan tentera dan segala perkara lain mengenainya, melainkan perkara-perkara berkenaan dengan

menggunakan angkatan tentera bagi maksud gerakan. Ini termaktub dalam Perkara 137, Perlembagaan Persekutuan.

- Yang di Pertuan Agong mempunyai budi bicara setelah menimbang nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja melantik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 139(4). (Raja Nazrin Shah, 2013)
- Yang di Pertuan Agong juga mempunyai kuasa, setelah mendengar nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, melantik sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, seperti yang tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 141A(2). (Raja Nazrin Shah, 2013).
- Yang di Pertuan Agong juga berkuasa melantik seorang anggota Suruhanjaya Pasukan Polis dan boleh menetapkan sebagai jawatan-jawatan khas Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan apa-apa jawatan yang difikirkannya setarap, dengan syor daripada Suruhanjaya Pasukan Polis dan menimbang nasihat Perdana Menteri. Ini terdapat dalam peruntukan Perkara 140(3d,e)(4), Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- Yang di Pertuan Agong, atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, berkuasa melantik seorang Juru Odit Negara. Ini terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 105.
- Yang di Pertuan Agong juga, dengan nasihat Perdana Menteri, berkuasa melantik seorang Peguam Negara, seperti peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 145(1).
- Yang di Pertuan Agong, dengan nasihat Ketua Hakim Negara, membuat peruntukan jumlah keanggotaan Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi, seperti yang diperuntukan oleh Perkara 122, 122A, 122AA, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- Yang di Pertuan Agong berkuasa melantik Pesuruhjaya Kehakiman, dengan nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, seperti peruntukan Perkara 122AB, Perlembagaan Persekutuan.
- Yang di Pertuan Agong berkuasa melantik Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi dengan nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja Melayu, seperti peruntukan Perkara 122B, Perlembagaan Persekutuan.
- Yang di Pertuan Agong berkuasa memintakan pertukaran Hakim Besar atau pertukaran sebagai Hakim Besar, dengan syor daripada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan setelah meminta fikiran Hakim-Hakim Besar bagi kedua-dua Mahkamah Tinggi, seperti peruntukan Perkara 122C, Perlembagaan Persekutuan.
- Yang di Pertuan Agong juga berkuasa melantik sebuah Suruhanjaya Pilihanraya selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Suruhanjaya ini hendaklah mengandungi seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan lima ahli yang lain. Ini terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 114(1). (Raja Nazrin Shah, 2013).
- Yang di Pertuan Agong dipertanggungjawab untuk memastikan Suruhanjaya Pilihanraya mendapat kepercayaan awam, seperti kehendak Perlembagaan Persekutuan, Perkara 114(2). (Raja Nazrin Shah, 2013).

Oleh itu, Yang di Pertuan Agong (Raja) adalah payung kedaulatan Negara untuk memberi naungan saksama kepada setiap warga tanpa mengira kaum, agama dan politik. Raja yang bersemayam di puncak struktur pemerintahan merupakan lambang kuasa dan simbol

perpaduan. Raja berperanan sebagai tonggak kestabilan, sumber keadilan, teras perpaduan dan payung penyatuan. Untuk itu amatlah penting bagi Raja bersifat berkecuali, memastikan berada di atas segala polemik politik untuk membolehkan institusi Raja berupaya berperanan secara berkesan sebagai penimbang tara yang adil lagi saksama dalam mendamaikan sebarang perselisihan dan persengketaan (Raja Nazrin Shah, 2013, Ramlah Adam, 2013).

Ternyata, dalam menjalankan tanggungjawabnya, Yang di Pertuan Agong mempunyai tiga kaedah untuk melaksanakan tugasnya. Dalam kaedah pertama, dilihat Yang di Pertuan boleh menggunakan budi bicara dalam bidang perlantikan Perdana Menteri. Baginda tidak dinasihati oleh sesiapa pun. Baginda juga boleh bersetuju atau tidak bersetuju dengan cadangan untuk membuat pilihanraya baru jika Perdana Menteri dan kabinetnya tidak mendapat suara majoriti lagi. Dalam hal ini, kerajaan yang mempunyai suara majoriti boleh membentuk kerajaan dengan perkenan Yang di Pertuan Agong.

Dalam kaedah kedua pula, Yang di Pertuan Agong membuat keputusan dengan nasihat Perdana Menteri. Ini termaktub dalam Perkara 40, Perlembagaan Persekutuan. Malah dalam perkara-perkara lain juga seperti diatas, nasihat Perdana Menteri disebut dengan jelas. Ini bermakna, sebagai ketua kepada kerajaan yang menguruskan Negara, Perdana Menteri bertanggungjawab memberi pandangan berdasarkan fakta-fakta yang jelas tentang kepentingan Negara dan orang ramai. Misalnya, untuk melantik seorang Ketua Polis Negara, Perdana Menteri sepatutnya berunding dengan pemimpin pasukan polis dan Suruhanjaya Pasukan Polis sebelum cadangan atau nasihat diberikan kepada Yang di Pertuan Agong. Ini bermakna Perdana Menteri mempunyai suara yang terakhir kepada Yang di Pertuan Agong untuk membuat pertimbangan. Kepentingan Negara adalah menjadi keutamaan kerana rakyat adalah pemutus kepada pemilihan seorang Perdana Menteri daripada sebuah kerajaan yang sepatutnya mendokong kebajikan rakyat dan Negara.

Kaedah ketiga bagi Yang di Pertuan Agong membuat keputusan ialah melalui rundingan dan perkenan daripada Majlis Raja-Raja. Ini bermakna sebarang cadangan daripada kerajaan yang disampaikan oleh Perdana Menteri akan dibentangkan didalam mesyuarat Majlis Raja-Raja untuk dipertimbangkan atau diperkenankan. Ini bermakna, anggota Majlis Raja-Raja yang terdiri daripada Sultan-sultan Negeri dan Tuan-tuan Yang di Pertua Negeri, boleh memberi pandangan dan nasihat mereka, sebelum menjadi sebuah keputusan rasmi Majlis Raja-Raja Melayu. Baginda semua pula dinasihati oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri yang mengiringi mereka.

Majlis Raja-Raja (Raja) tidak harus rasa tertekan dan tidak semestinya memberikan perkenan jika nasihat yang disembahkan bercanggah dengan tuntutan syarak, bercanggah dengan semangat Perlembagaan, bercanggah dengan undang-undang dan keadilan sehingga memungkinkan berlakunya penindasan dan kezaliman. Apabila Raja dirujuk, Duli-Duli Baginda hendaklah memberikan pandangan secara bebas tanpa perasaan ragu atau pilih kasih; dan dalam perkara Raja perlu bertindak atas budi bicara, Duli-Duli Baginda hendaklah menyempurnakannya dengan hikmah dan kebijaksanaan demi membuktikan Raja bersifat arif, adil lagi saksama, sebagai penimbang tara yang bebas kepada cabang-cabang legislative, eksekutif dan kehakiman, sekali gus memperkukuhkan mekanisme semak dan imbang, demi menjamin berlangsungnya tadbir urus Negara yang baik. Institusi Raja yang Berjaya mencerminkan sifat-sifat kearifan dan keadilan pastinya akan menjadi sumber rujukan pilihan apabila terdapatnya sesuatu krisis (Raja Nazrin Shah, 2013).

Di Malaysia, memandangkan keadaan politik kini selalu memperlihatkan ketidakstabilan, besar kemungkinan rakyat sudah mula berharap ada pihak lain yang boleh memainkan peranan yang besar sebagai pengimbang kuasa. Raja perlu lebih pro-aktif bukan untuk campurtangan menyebelahi suatu pihak atau pihak lain tetapi untuk menjamin ketiga-tiga bahagian jentera pemerintahan itu bukan hanya cekap menjalankan tugasnya tetapi juga dapat menjamin agar di antara tiga bahagian dalam sistem pemerintahan itu – kehakiman, perundangan, dan eksekutif – tiada suatu akan campurtangan dalam hal bahagian lain. Pada pendapat British pada lewat abad ke-19, Raja sangatlah penting di dalam masyarakat tempatan; tanpa Raja, “*the people will be just a mob*”. (Khoo Kay Kim, 2009).

Raja Nazrin Shah melalui bukunya *The Monarchy in Contemporary Malaysia* (2004: 16-21) telah cuba menilai situasi semasa Negara Malaysia sekarang, dengan kedudukan institusi raja yang berada di bawah payung Raja Berpelembagaan. Bagi Baginda, Raja-raja bukan lagi melaksanakan tugas mereka seperti masa lampau, sebaliknya kini berhadapan dengan tugas-tugas yang lebih baharu yang telah digariskan dalam Perlembagaan Negara Malaysia. Antara lima panduan yang dapat diringkaskan seperti yang dinyatakan di dalam buku tersebut ialah:

- i. Raja-raja masa kini adalah penaung kepada *multi-ethnic communities* yang merangkumi kepelbagaian bangsa, agama dan budaya. Dinilai dari sudut ini, maka ketuanan Melayu bukan lagi Raja yang hanya menjadi penaung kepada orang Melayu, tetapi merangkumi sama bangsa-bangsa lain yang ada di Malaysia sekarang seperti Cina, India, Iban, Kadazan dan sebagainya.
- ii. Raja-raja harus menjadi contoh tauladan (*role models*) kepada rakyat termasuk dari golongan generasi muda. Bagi mencapai matlamat ini, Raja-raja pada hari ini harus mempunyai minat dan berkeupayaan dalam bidang pendidikan moden dan teknologi maklumat. Dua kualiti diri ini mungkin tidak pernah muncul pada masa lampau tetapi kini menjadi suatu kemestian kepada modal insan seorang raja.
- iii. Raja-raja pada abad ke-21 harus lebih terbuka dalam menerima perubahan tanpa mengorbankan nilai-nilai mulia warisan silam (*The monarchy must adapt to changing circumstances. Though steeped in tradition, it must reflect a contemporary outlook.*). Bagi mencapai matlamat ini, Raja-raja sewajarnya lebih banyak melibatkan diri dengan aktiviti social masyarakat, mendekati masyarakat mengikut batas-batas yang dibenarkan, dan lebih pentingnya, “*often making a personal contribution that can be considered outstanding by any criteria.*”
- iv. Raja-raja harus berkemampuan memberikan pandangan terhadap sesuatu isu dengan bebas dan berhikmat (*wisdom*), tanpa rasa takut dan memihak kepada mana-mana kumpulan. Bagi melaksanakan tugas ini, Raja-raja harus melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan untuk mencapai “*good governance*” dan sentiasa peka dengan keadaan semasa Negara.
- v. Raja-Rrja adalah Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri yang berada di bawah naungan Raja-raja Melayu, suatu tugas warisan yang sudah pun termaktub dalam sejarah kerajaan kesultanan-kesultanan Melayu masa lampau. Warisan ini sangat perlu dipertahankan agar kesucian agama Islam akan sentiasa terpelihara, termasuk juga dalam hal-hal yang berhubungan dengan adat istiadat dan budaya hidup mulia masyarakat Islam secara keseluruhannya.

Ini adalah nilai-nilai yang perlu ada kepada pemerintah negeri-negeri yang beraja untuk menjadi terus relevan kepada rakyat dan Negara.

Persepsi rakyat kepada Institusi Raja pada hari ini:

Kedudukan dan peranan Raja, iaitu dengan rujukan khas kepada kedudukan dan bidang kuasa Yang di Pertuan Agong dalam Perlembagaan Persekutuan, serta pendapat Raja dan pandangan ahli akademik, telah pun diutarakan sebagai satu latarbelakang yang berfakta, bagi menjadi perbandingan kita. Ternyata bidang kuasa Baginda adalah sangat penting dan luas sebagai Ketua Utama Negara, yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Namun sejauh manakah kedudukan, peranan dan kepentingan Raja (Yang di Pertuan Agong) dapat difahami oleh rakyat?

Satu Kajian Lapangan yang mudah telah dilakukan bagi melihat sejauh mana persepsi rakyat terhadap institusi raja ini. Kajian ini dilakukan dalam kalangan rakyat pelbagai lapisan, pendidikan dan lokasi petempatan. Seramai 177 orang (83 perempuan dan 93 lelaki) telah ditemuramah dan menjawab soalan-soalan seragam yang mudah. Mereka berumur daripada remaja sehingga warga emas. Temuramah ini dijalankan secara rambang di Seriab, Wang Kelian dan Chuping, Perlis. Sambutan mereka adalah baik.

Soalan-soalan menggunakan borang meliputi beberapa perkara iaitu:

A: Pemberi Maklumat

(Jantina, Umur, Pendidikan, Lokasi petempatan, Pekerjaan, Kaum).

B: Mengenali Raja di Malaysia (Kenal).

C: Mengenali Raja di Malaysia (Nama).

D: Mengetahui & Memahami Peranan Yang di Pertuan Agong.

E: Mengetahui & Memahami Peranan Sultan, Raja dan Yang DPT Bersar.

F: Sumbangan Yang di Pertuan Agong, Sultan, Raja dan Yang di Pertuan Besar.

G: Ciri-ciri Raja Yang di sanjung.

H: Peranan Majlis Raja-Raja.

I: Konsep Raja Berperlembagaan.

J: Menambah Pengetahuan Mengenai Institusi Raja.

(Borang Soan dilampirkan-Lampiran 1)

DAPATAN:

Beberapa perkara yang penting telah dipamirkan oleh penyelidikan ini. Walaupun jumlah pemberi maklumat adalah sangat kecil daripada jumlah penduduk dikedua-dua buah negeri, tetapi sebagai langkah permulaan, kajian ini dipercayai dapat memberi beberapa kesimpulan sementara bagi dijadikan penyelidikan yang berterusan. Diharap ia dapat diterima dan difikirkan bagi masa depan Malaysia terhadap institusi raja dan pemerintahan Raja Berperlembagaan dinegara ini.

PERATUSAN PENYELIDIKAN DI PERLIS

B:MENGENALI RAJA DI MALAYSIA (KENAL)	YA	YA (%)	TIDAK	TIDAK(%)
YDP AGONG	174	98.3%	3	1.7%
RAJA PERLIS	174	98.3%	3	1.7%
SULTAN KEDAH	174	98.3%	3	1.7%
SULTAN PERAK	164	93%	13	7%
SULTAN SELANGOR	108	61%	69	44%
YDP BESAR NEGERI SEMBILAN	99	56%	79	44%
SULTAN JOHOR	111	63%	66	37%
SULTAN PAHANG	156	88.1%	21	11.9%
SULTAN TERENGGANU	134	76%	43	24%
SULTAN KELANTAN	114	64.4%	63	35.6%

Dari jumlah dan peratusan rakyat yang mengenali wajah sembilan orang Raja-Raja,terdapat hampir separuh daripada Baginda yang dikenali dengan begitu dekat sekali.Diantara Sultan yang paling dikenali adalah Seri Paduka Baginda(SPBYang di Pertuan Agong,Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku Raja Perlis, Sultan Kedah, Sultan Perak ,Sultan Pahang dan Sultan Johor. Manakala Baginda yang tidak begitu dikenali wajahnya adalah DYMM Tuanku Sultan Selangor, Sultan Johor, Yang Dipertuan Besar (YDB) N. Sembilan dan Sultan Terengganu. Sesuatu mesti dilakukan secara serius bagi menyebarkan pengetahuan rakyat Malaysia untuk mengenali Sultan-Sultan yang menjadi ketua Negeri-negeri dalam Malaysia.

MENGENALI RAJA DI MALAYSIA (NAMA)	YA	YA(%)	TIDAK	TIDAK(%)
YDP AGONG	168	95%	9	5%
RAJA PERLIS	166	94%	11	6%
SULTAN KEDAH	167	94%	10	6%
SULTAN PERAK	119	67.2%	58	32.8%
SULTAN SELANGOR	33	19%	144	81%
YDP BESAR NEGERI SEMBILAN	26	147%	151	85.3%
SULTAN JOHOR	44	25%	133	75%
SULTAN PAHANG	115	65%	62	35%
SULTAN TERENGGANU	75	42.3%	102	57.7%
SULTAN KELANTAN	46	26%	131	74%

Daripada jumlah dan peratusan rakyat Perlis yang ditemuramah, ternyata ramai yang tidak mengetahui secara jelas nama YDB N.Sembilan. Peratusannya sangat tinggi iaitu 85.3 peratus. Begitu juga dengan DYMM Tuanku Sultan Selangor, Sultan Johor, Sultan Kelantan dan Sultan Terengganu. Manakala bagi DYMM Tuanku Sultan Pahang dan Sultan Perak, peratus yang mengetahui nama baginda berdua masih juga tinggi peratusnya. Ramai yang hanya mengenal wajah DYMM Sultan, tetapi tidak mengetahui nama Baginda semua dengan sepenuhnya. Ada juga yang langsung tidak mengetahui nama peribadi atau batang tubuh Baginda semua. Sesuatu mestilah dilakukan dengan segera bagi memastikan rakyat Malaysia mengetahui nama semua ketua-ketua pemerintah negeri-negeri dalam Malaysia.

Institusi Yang di Pertuan Agong (YDPA) sangat penting sebagai Ketua Utama Negara. Namun, bukan semua rakyat yang ditemuramah memahami peranan Baginda sebagai Ketua Utama Negara. Ini jelas daripada peratusan yang dipaparkan dibawah ini:

C: MENGETAHUI & MEMAHAMI PERANAN YDP AGONG	YA	YA(%)	TIDAK	TIDAK(%)
YDP AGONG SEBAGAI KETUA NEGARA	177	100%	0	0
YDP AGONG SEBAGAI PELINDUNG AGAMA ISLAM	177	100%	0	0
YDP AGONG MENJAGA KEDUDUKAN ISTIMEWA MELAYU	174	98.3%	3	1.7%
YDP AGONG SEBAGAI PELANTIK KETUA HAKIM, KETUA POLIS, PANGLIMA ANGKATAN TENTERA	90	50.8%	87	49.2%
YDP AGONG MEMBUKA, MENGANTUNG DAN MEMBUBAR PARLIMEN	114	64.4%	63	35.6%
YDP AGONG MELANTIK PERDANA MENTERI DAN MENTERI KARBINET	99	56%	78	44%
YDP AGONG MELANTIK KETUA HAKIM NEGARA, HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN MAHKAMAH TINGGI DAN MAHKAMAH RAYUAN	104	59%	73	41%
YDP AGONG SEBAGAI KETUA PEMERINTAH TERTINGGI ANGKATAN BERSENJATA	119	67.2%	58	32.8%

Dari jumlah dan peratusan itu, nampaknya mereka yang ditemuramah di Perlis secara umumnya mengetahui peranan YDP Agong sebagai Ketua Utama Negara dengan baik dalam hal-hal tertentu. Misalnya, kedudukan Baginda sebagai Ketua Utama Negara, pelindung agama Islam dan kedudukan istimewa Melayu dan bumiputra Sabah dan Sarawak diketahui dengan jelas; hanya hampir 2 peratus sahaja yang tidak mengetahuinya. Tetapi peratus yang paling rendah ialah pengetahuan mereka terhadap peranan Baginda sebagai pelantik ketua-ketua tertinggi Pasukan Polis, Angkatan Tentera, Ketua Hakim Negara dan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan Malaysia. Pengetahuan mereka kurang daripada 50 peratus. Tidak semua mereka mengetahui peranan YDPA dalam memanggil, menangguh dan membubarkan Parlimen. Mereka juga, iaitu lebih daripada 30 peratus tidak tahu peranan

YDP Agong sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Malaysia. Sesuatu mesti dilakukan dengan bersungguh untuk rakyat mengetahui peranan YDPA dalam hal-hal tersebut.

D: MENGETAHUI & MEMAHAMI PERANAN SULTAN/RAJA/YDP BESAR.	YA	YA(%)	TIDAK	TIDAK(%)
SULTAN/RAJA /YDPB SEBAGAI KETUA PEMERINTAH/KETUA NEGERI	175	99%	2	1%
SULTAN/RAJA /YDBP SEBAGAI PELINDUNG AGAMA ISLAM	171	97%	6	3%
SULTAN/RAJA/YDPB MENJAGA KEDUDUKAN ISTIMEWA MELAYU	172	97.1%	5	2.9%
SULTAN/RAJA/YDPB MEMBUKA DAN MERASMIKAN SIDANG DEWAN UNDANGAN NEGERI	71	40.1%	106	59.9%
SULTAN/RAJA/YDPB MELANTIK MENTERI BESAR DAN EXCO	73	41.2%	104	58.8%

Peranan DYMM Tuanku Sultan, Raja dan YDB N. Sembilan juga ditanya kepada mereka yang ditemuramah. Mereka dengan jelas mengetahui bahawa Sultan/Raja dan YDB menjadi ketua pemerintahan setiap negeri dalam Malaysia. Mereka juga tahu bahawa DYMM Sultan/Raja dan YDB menjadi pelindung agama Islam dinegeri masing-masing. Hanya tiga orang sahaja yang tidak mengetahuinya; mereka bukan beragama Islam. Begitu juga dengan peranan Baginda semua dalam menjaga kepentingan kedudukan istimewa Melayu. Namun, apa yang memeranjatkan adalah mereka tidak mengetahui tentang peranan DYMM Sultan/Raja/YDB dalam membuka Dewan Undangan Negeri dan melantik Menteri Besar serta Exco. Hampir 40 peratus. Ini adalah satu umlah yang sangat signifikan; sesuatu patut dibuat bagi membetulkan hal ini.

SUMBANGAN YDPA, SULTAN DAN YDP BESAR	YA	YA(%)	TIDAK	TIDAK(%)
SIMBOL PERPADUAN RAKYAT	176	99.4%	1	0.6%
PAYUNG NEGARA/PELINDUNG RAKYAT	123	69.5%	54	30.5%
KUASA PENGIMBANG PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA & NEGERI	27	15.3%	150	84.7%
PELULUS/PENGESAHAN UNDANG-UNDANG NEGARA DAN NEGERI	19	10.7%	158	89.3%
PENJAGA KESELAMATAN NEGARA	15	8.5%	162	91.5%

Dalam mencari kefahaman rakyat (177 orang) terhadap sumbangan DYMM Tuanku Sultan/Raja/YDB, keadaan yang sangat memeranjatkan telah berlaku. Kebanyakan mereka iaitu 84 peratus keatas tidak mengetahui atau melihat Baginda semua adalah berperanan penting sebagai kuasa pengimbang diantara pelaksanaan pentadbiran kerajaan yang dipilih oleh rakyat dengan kuasa pemerintahan negeri iaitu raja. Kuasa Sultan/Raja/YDPB

adalah sebagai *check and balance* kepada kerajaan yang memerintah. Mereka juga tidak mengetahui tentang sumbangan Baginda semua sebagai pelulus atau pengesah kepada perundangan Negara. Semua cadangan rang undang-undang yang telah diterima oleh Dewan Undangan Negeri diserahkan kepada Baginda untuk diperkenankan dan diturunkan pengesahannya. Hampir keseluruhannya juga yang tidak tahu atau salah faham terhadap makna sebagai penjaga keselamatan Negara. Mereka mungkin tidak melihat Baginda semua sebagai penjaga keselamatan Negara kerana memikirkan itu adalah kerja angkatan tentera atau pasukan polis sahaja. Mereka tidak jelas bahawa sebagai ketua pemerintah negeri Sultan/Raja/YDPB sebenarnya memberi sumbangan terhadap keselamatan negeri dan Negara. Maka sesuatu mesti dilakukan bagi memperbetulkan keadaan ini.

CIRI-CIRI RAJA YANG DISANJUNGI	YA	YA(%)	TIDAK	TIDAK(%)
BERPENDIDIKAN	169	95.5%	8	4.5%
BERPENGETAHUAN AGAMA ISLAM	166	94%	11	6%
AKHLAK YANG MULIA	162	93.8%	15	6.2%
MESRA RAKYAT	132	74.6%	45	25.4%
BIJAKSANA	104	58.8%	73	41.2%
PERSONALITI YANG BAIK	102	57.6%	75	42.4%

Dalam kategori ini, kebanyakan mereka yang ditemuramah bersetuju bahawa seseorang Sultan/Raja yang menjadi pemerintah patutlah mempunyai pendidikan yang sewajarnya, berpengetahuan agama Islam dan tentulah mengamalkannya dengan jelas serta mempunyai ahlak yang mulia yang disenangi oleh rakyat. Peratus yang berpandangan begitu adalah lebih daripada 90 peratus. Namun dalam soal mesra rakyat, bijaksana dan mempunyai personaliti yang baik, mereka hanya memberi sokongan tidak sampai 60 peratus. Adakah mereka memikirkan itu tidak perlu ataupun melihat ia sesuatu yang tidak penting. Ini mesti diperhalusi lagi dalam kajian yang lebih terperinci.

PERANAN MAJLIS RAJA-RAJA	YA	YA(%)	TIDAK	TIDAK(%)
MELANTIK YDP AGONG	145	82%	32	18%
MEMPERKENANKAN UNDANG-UNDANG NEGARA	41	23.1%	136	76.9%
MEMBERI KELULUSAN TENTANG PERKARA BERKAITAN DENGAN INSTITUSI RAJA	69	39%	108	61%
MENJAGA KESUCIAN AGAMA ISLAM	91	51.4%	86	48.6%
MENJAGA KEDUDUKAN ISTIMEWA MELAYU DAN BUMIPUTERA	82	46.3%	95	53.7%
MEMPERKENANKAN PERLANTIKAN KETUA JABATAN UTAMA NEGARA	46	26%	131	74%

Majlis Raja-Raja adalah sebuah Majlis yang tidak begitu dekat kepada rakyat. Ia adalah badan mesyuarat Raja-raja yang hanya didengar sekali sekala melalui akhbar. Oleh itu, pengetahuan mereka terhadap peranan Majlis Raja-Raja ini adalah rendah. Misalnya dalam

peranan memperkenankan undang-undang Negara,memberi kelulusan tentang hal ehwal institusi raja dan memperkenankan perlantikan ketua-ketua jabatan utama Negara dan menjaga kedudukan istimewa Melayu,mereka tidak begitu yakin dan jelas.Mereka cukup jelas dengan peranan Majlis ini dalam menjaga kesucian agama Islam di Malaysia.Majlis Raja-Raja hanyalah dilihat penting sebagai pelindung agama Islam dan tidak begitu yakin dengan peranannya dalam perundangan dan perlantikan jawatan-jawatan utama Negara? Malah perana Majlis dalam melindungi hal ehwal Raja-raja juga tidak begitu diyakini. Sesuatu mesti dilakukan bagi menjaga kepentingan institusi raja sebagai Raja Berperlembagaan dalam kalangan rakyat Malaysia.

KONSEP RAJA BERPERLEMBAGAAN	YA	YA(%)	TIDAK	TIDAK(%)
BIDANG KUASA DAN KEDUDUKAN SULTAN/RAJA DITETAPKAN DAN DILAKSANAKAN MENGIKUT PERLEMBAGAAN NEGARA	164	93%	13	7%
BIDANG KUASA DAN KEDUDUKAN SULTAN/RAJA DITETAPKAN DAN DILAKSANAKAN MENGIKUT PERLEMBAGAAN NEGERI	150	85%	27	15%
KEDUDUKAN RAJA/SULTAN ADALAH DI ATAS RAKYAT	68	38.4%	109	61.6%
RAJA/SULTAN SEBAGAI PEMERINTAH TIDAK TERKAIT DAN TIDAK BERCAMPUR DENGAN POLITIK RAKYAT	67	38%	110	62%
PENTADBIRAN NEGARA DILAKSANAKAN OLEH PERDANA MENTERI DAN KABINET ATAS PERKENAN YDP AGONG	119	67.2%	58	32.8%
PENTABDIRAN NEGARA DILAKSANAKAN OLEH MENTERI BESAR DAN EXCO ATAS PERKENAN SULTAN/RAJA	110	62.1%	67	37.9%

Pengetahuan rakyat mengenai makna pemerintahan Raja Berperlembagaan memperlihatkan persepsi rakyat yang sederhana. Misalnya Raja Berperlembagaan itu menunjukkan bidang kuasa raja adalah mengikut apa yang telah diperuntukkan oleh perlembagaan Negara dan negari, difahami dengan baik oleh mereka. Namun,dalam pentadbiran Perdana Menteri dan Menteri Besar mengikut perkenan YDPA dan DYMM Sultan/Raja/YDPB, hampir 35 peratus tidak mengetahui hal tersebut. Terdapat juga pemahaman mereka yang tidak mencapai 50 peratus positifnya.Misalnya pemerintahan DYMM Sultan/Raja/YDPB tidak berkaitan dengan politik rakyat. Mereka seolah-olah melihat pemerintahan Sultan/Raja/YDPB bercampur dalam politik rakyat. Ini perpektif yang berlaku mungkin kerana adanya komen-komen tertentu daripada Raja-raja sebagai satu nasihat kepada rakyat dalam pergelutan politik kerajaan dan pembangkang. Ini patut diperbetulkan. Penerangan yang lebih meluas tentang peranan dan kedudukan Raja-raja patut diperbanyakkan.

MENAMBAH PENGETAHUAN MENGENAI INSTITUSI RAJA DI MALAYSIA	YA	YA(%)	TIDAK	TIDAK(%)
MELALUI AKHBAR	175	99%	2	1%
MELALUI MAJALAH	120	68%	57	32%
MELALUI PERANAN AGENSI KERAJAAN YANG BERKAITAN	131	74%	46	26%
MELALUI SALURAN RADIO/TELEVISYEN	155	88%	22	12%
MELALUI PROGRAM/CERAMAH/FORUM/BENGKEL/DIALOG	89	50.2%	88	49.8%
MELALUI SUMBER BACAAN SEPERTI BUKU/JURNAL	79	44.6%	98	55.4%
MELALUI POSTER/BROSUR/PAMPHLET	117	66.1%	60	33.9%

Sumber utama untuk rakyat mendapat maklumat terhadap YDPA dan Sultan/Raja/YDPB nampaknya dipersetujui sepenuhnya melalui akhbar. Hampir 90 peratus pula melalui radio dan televisyen. Majallah dan agensi kerajaan menjadi cara yang sederhana kesannya kepada mereka yang ditemuramah. Penyebaran segala maklumat berkenaan YDPA, DYMM Sultan/Raja/YDPB melalui ceramah dan pembacaan bagi mereka bukanlah cara yang terbaik. Penyebaran poster dan pampelat juga tidak dipandang terlalu tinggi sebagai satu cara penambahan maklumat mengenai pemerintahan Negara dan negeri. Dengan itu peranan akhbar, radio dan televisyen masih berkesan kepada rakyat Perlis. Bagaimanapun cara-cara lain patut diperhebatkan, seperti media sosial, yang menjadi alat pencari maklumat yang digemari oleh generasi muda.

Kesimpulan Dapatan Bagi Negeri Perlis:

Secara kesimpulannya, dilihat bahawa persepsi rakyat Perlis yang ditemuramah mengenai institusi raja disegi pengecaman mereka terhadap pemerintahan beraja di Malaysia adalah baik. Mereka mengenal dan mengetahui YDPA dan Sultan/Raja yang memerintah. Namun yang penting mereka mengenali YDPA dan Tuanku Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin ibni Syed Putra Jamalulail. Mereka juga memahami peranan utama Sultan/Raja dengan jelas sekali. Bidang kuasa YDPA juga diketahui dengan baik walaupun ada satu dua peranan yang tidak diketahui secara menyeluruh. Mereka juga tidak faham tentang peranan Sultan/Raja yang memerintah sebagai pelulus dan perkenan undang-undang negeri dan Negara. Mereka berpendangan bahawa berpendidikan, berpengetahuan agama Islam dan berakhlak mulia adalah ciri-ciri yang baik. Mereka juga secara umum memahami sebahagian besar konsep pemerintahan Raja Berperlembagaan serta peranan Majlis Raja-Raja dalam pemerintahan Negara.

Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara mustahak yang tidak difahami oleh mereka. Perkara-perkara itu patut dipandang berat oleh pemerintah. Ini kerana pengetahuan yang tidak begitu tepat dan jelas dalam soal peranan, sumbangan, kedudukan dan bidang kuasa Raja Berperlembagaan di Malaysia akan merumitkan penghayatan rakyat terhadap institusi raja di Malaysia. Penggunaan media social yang tidak mengambil kira sistem pemerintahan beraja akan melemahkan lagi pengetahuan dan persepsi rakyat. Walaupun ini tidak termasuk dalam kajian ini, daripada kajian-kajian lain, ia memang merupakan satu tren generasi muda yang amat ketara. Langkah-langkah yang lebih berkesan mesti dilakukan disamping usaha berterusan dalam menyebarkan maklumat mengenai institusi raja dalam media konvensional.

Penyelidikan di Kedah:

Penyelidikan yang sama dilakukan di dua buah kampung di utara Kedah iaitu di Kampung Alor Biak dan Ayer Hitam, daerah Jerlun, Kedah. Jumlah mereka yang mengisi boring soal-selidik adalah seramai 159 orang (dengan 75 orang perempuan dan 84 orang lelaki). Banyak daripada mereka yang mempunyai ijazah pertama dan beberapa orang mempunyai ijazah sarajana. Sementara kebanyakan penduduk kampung adalah berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ada beberapa orang yang berkelulusan diploma dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Mereka berusia daripada belasan tahun sehingga keusia emas. Majoriti penduduk ini adalah orang Melayu (92 peratus). Kampung-kampung ini terletak lebih 16 kilometer daripada Alor Setar. Kedua-duanya adalah kampung yang mempunyai banyak rumah batu disamping rumah-rumah tradisional yang masih didiami sebagai tanda warisan mereka daripada generasi lepas. Tidak ada kilang atau industri moden disini. Kehidupan masyarakat kampung masih jelas kelihatan.

Dapatan Kajian:

Dapatan kajian ini menunjukkan keadaan yang tidak sama dengan Perlis. Terdapat perbezaan kecil disegi persepsi mereka terhadap institusi raja dan pemerintahan Raja Berperlembagaan di Malaysia. Ini boleh dilihat secara terang dalam perangkaan dibawah ini:

Peratusan Penyelidikan di Kampung Alor Biak dan Ayer Hitam, Jerlun, Kedah

MENGENALI RAJA DI MALAYSIA	YA	YA (%)	TIDAK	TIDAK (%)
YDP AGONG	145	92%	14	8%
RAJA PERLIS	116	73%	43	27%
SULTAN KEDAH	129	81.1%	30	18.9%
SULTAN PERAK	110	69.2%	48	30.8%
SULTAN SELANGOR	115	72.3%	44	27.7%
YDP BESAR NEGERI SEMBILAN	92	57.9%	67	42.1%
SULTAN JOHOR	120	75.5%	39	24.5%
SULTAN PAHANG	116	73%	43	27%
SULTAN TERENGGANU	125	79%	34	21%
SULTAN KELANTAN	124	78%	35	22%

Ternyata pengetahuan mereka yang ditemuramah agak rendah daripada mereka di Perlis. Peratus yang tidak mengenal YDPA, Sultan Kedah sendiri, adalah lebih rendah daripada Perlis. Ini adalah sesuatu perkara yang amat menyedihkan. Sebagai rakyat Kedah sepatutnya mereka mengenali dan mengetahui nama Baginda YDPA, yang merupakan Sultan Kedah itu sendiri. Mereka yang ditemui juga tidak mengenali Raja-raja Negeri lain dalam peratus yang lebih tinggi daripada Perlis. Diantaranya pula, YDPB N. Sembilan, merupakan pemerintah yang lebih 40 peratus tidak mengenalinya. Sesuatu mesti dilakukan oleh pemerintah negeri terhadap perkara ini.

MENGETAHUI & MEMAHAMI PERANAN YDP AGONG	YA	YA (%)	TIDAK	TIDAK(%)
YDP AGONG SEBAGAI KETUA NEGARA	149	94%	10	6%
YDP AGONG SEBAGAI PELINDUNG AGAMA ISLAM	147	92.5%	12	7.5%
YDP AGONG MENJAGA KEDUDUKAN ISTIMEWA MELAYU	143	90%	16	10%
YDP AGONG SEBAGAI PELANTIK KETUA HAKIM, KETUA POLIS NEGARA, PANGLIMA ANGKATAN TENTERA	110	69.1%	49	30.9%
YDP AGONG MEMBUKA, MENGANTUNG DAN MEMBUBAR PARLIMEN	117	73.6%	42	26.4%
YDP AGONG MELANTIK PERDANA MENTERI DAN MENTERI KARBINET	114	72%	45	28%
YDP AGONG MELANTIK KETUA HAKIM NEGARA, HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN, MAHKAMAH TINGGI DAN MAHKAMAH RAYUAN	117	74%	42	26%
YDP AGONG SEBAGAI KETUA PEMERINTAH TERTINGGI ANGKATAN BERSENJATA	123	77.4%	36	22.6%

Dalam persoalan bahagian ini iaitu mengetahui dan memahami peranan Baginda YDPA, terdapat satu persepsi yang tidak sekata di kedua-dua kampung ini. Pengetahuan mereka mengenai YDPA sebagai Ketua Utama Negara dan pelindung agama Islam, tidak begitu memuaskan. Masih ramai yang tidak mengetahuinya. Ini berbeza dengan Perlis yang mengetahuinya secara jelas iaitu 100 peratus. Namun pengetahuan dan pemahaman mereka lebih baik daripada rakyat Perlis (Seriab, Wang Kelian dan Chuping), terhadap bidang kuasa YDPA melantik Ketua Hakim dan Hakim Mahkamah-mahkamah Negara, Ketua Polis Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Baginda sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Malaysia. Jika di Perlis persepsi dan pengetahuan rakyat hanya diantara 50 hingga kepada 67 peratus, tetapi di Kedah ia melebihi 70 peratus. Bagaimanapun, perbezaan ini tidaklah begitu besar. Ini menunjukkan pendedahan yang lebih meluas patut diberikan kepada rakyat mengenai peranan dan bidang kuasa YDPA sebagai pemerintah Malaysia.

MENGETAHUI & MEMAHAMI PERANAN SULTAN/RAJA	YA	YA (%)	TIDAK	TIDAK(%)
SULTAN/RAJA SEBAGAI KETUA PEMERINTAH/KETUA NEGERI	136	86%	23	14%
SULTAN/RAJA SEBAGAI PELINDUNG AGAMA ISLAM	134	84.3%	25	15.7%
SULTAN/RAJA MENJAGA KEDUDUKAN ISTIMEWA MELAYU	130	82%	29	18%

**PERSEPSI RAKYAT TERHADAP INSTITUSI RAJA:
SATU KAJIAN KES DI PERLIS DAN KEDAH**

SULTAN/RAJA MEMBUKA DAN MERASMIKAN SIDANG DEWAN UNDANGAN NEGERI	112	70.4%	47	29.6%
SULTAN/RAJA MELANTIK MENTERI BESAR DAN EXCO	107	67.3%	52	32.7%

Dalam Jadual diatas ternyata pengetahuan dan persepsi rakyat Kedah(dikampung-kampung yang dikaji),ternyata tidak begitu mendalam mengenai peranan Sultan/Raja/YDPB,yang memerintah negeri-negeri dalam Malaysia.Berbanding dengan rakyat Perlis,mereka lebih peka dengan peranan pemerintah negeri sebagai ketua negeri,penjaga agama Islam dan kedudukan istimewa Melayu. Bagaimanapun,di Kedah ,pengetahuan mereka terhadap peranan ketua negeri melantik Menteri Besar dan Exco serta menutup dan membuka Dewan Undangan Negeri adalah lebih baik daripada rakyat Perlis.Di Perlis peratusnya adalah sangat rendah iaitu hanya setakat 40-41 peratus sahaja.Ternyata sesuatu mesti dilakukan bagi mengatasi masaalah ini dikedua-dua tempat,walaupun persoalannya tidak sama.

SUMBANGAN YDPA, SULTAN /RAJA/ YDP BESAR	YA	YA (%)	TIDAK	TIDAK(%)
SIMBOL PERPADUAN RAKYAT	145	91.2%	14	8.8%
PAYUNG NEGARA/PELINDUNG RAKYAT	135	85%	24	15%
KUASA PENGIMBANG PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA & NEGERI	129	81.1%	30	18.9%
PELULUS/PENGESAH UNDANG-UNDANG NEGARA DAN NEGERI	123	77.4%	36	22.6%
PENJAGA KESELAMATAN NEGARA	116	73%	43	27%
PELINDUNG AGAMA ISLAM	142	89.3%	17	10.7%
PELINDUNG KEDUDUKAN ISTIMEWA MELAYU	142	89.3%	17	10.7%

Persepsi rakyat Kedah terhadap sumbangan pemerintahan diraja diperingkat Negara dan negeri adalah baik sekali.Berbanding dengan Perlis, rakyat Kedah mempunyai keyakinan yang tinggi kepada sumbangan pemerintah diraja dalam semua hal yang ditanyakan.Peratusannya adalah diantara 77 sehingga 91 peratus.Berbanding dengan Perlis,peratusannya sangat rendah iatu diantara 8 sehingga 15 peratus sahaja,kecuali sumbangan pemerintah diraja sebagai simbol perpaduan rakyat (99.4 %).Bagi negeri Kedah,pemahaman itu patut diperluaskan lagi,sedangkan di Perlis langkah yang lebih serius mesti dilakukan untuk memperbaiki fahaman dan persepsi rakyat terhadap sumbangan pemerintahan diraja ini.

CIRI-CIRI RAJA YANG DISANJUNGI	YA	YA (%)	TIDAK	TIDAK(%)
BERPENDIDIKAN	157	99%	2	1%
BERPENGETAHUAN AGAMA ISLAM	154	97%	5	3%
AKHLAK YANG MULIA	153	96.2%	6	3.8%

MESRA RAKYAT	146	92%	13	8%
BIJAKSANA	152	96%	7	4%
PERSONALITI YANG BAIK	151	95%	8	5%

Bagi kategori ciri-ciri pemerintahan diraja yang disanjung, ternyata rakyat Kedah (di dua buah kampung yang dikaji) melihat berpendidikan, berpengetahuan agama Islam, berakhlak yang mulia, mesra rakyat, bijaksana dan berpersonaliti yang baik patut menjadi teras kepada diri seseorang pemerintahan diraja. Perastusan yang diberi adalah melebihi 95 peratus. Namun, di Perlis, ciri-ciri ini tidak dipandang tinggi, kecuali berpendidikan, berpengetahuan agama Islam dan akhlak yang mulia. Bijaksana dan berpersonaliti baik hanya mendapat kurang 60 peratus. Kajian lanjut mesti dilakukan bagi melihat sejauh mana rakyat memahami ciri-ciri ini atau memang tidak memandang tinggi terhadap nilai-nilai ini. Atau mungkinkah mereka melihat keadaan semasa atau tertentu yang tidak mempunyai ciri-ciri tersebut.

PERANAN MAJLIS RAJA-RAJA	YA	YA (%)	TIDAK	TIDAK(%)
MELANTIK YDP AGONG	138	87%	21	13%
MEMPERKENANKAN UNDANG-UNDANG NEGARA	135	85%	24	15%
MEMBERI KELULUSAN TENTANG PERKARA BERKAITAN DENGAN INSTITUSI RAJA	130	82%	29	18%
MENJAGA KESUCIAN AGAMA ISLAM	125	77%	34	23%
MENJAGA KEDUDUKAN ISTIMEWA MELAYU DAN BUMIPUTERA	142	89.3%	17	10.7%
MEMPERKENALKAN PERLANTIKAN KETUA JABATAN UTAMA NEGARA	111	70%	48	30%

Dalam menilai peranan Majlis Raja-Raja pula, rakyat Kedah mempunyai persepsi yang tinggi terhadapnya. Mereka tahu dengan baik peranan Majlis Raja-Raja sebagai pelantik YDPA, memperkenankan undang-undang, menjaga kesucian agama Islam, menjaga kedudukan istimewa Melayu dan memperkenankan perantikan ketua-ketua jabatan utama Negara. Perastusan yang dicapai lebih daripada 80 peratus. Berbanding dengan rakyat Perlis, pengetahuan dan persepsi mereka adalah lebih rendah iaitu diantara 20 sehingga 51 peratus sahaja, kecuali perantikan YDPA yang mendapat 82 peratus. Ternyata sesuatu mesti dilakukan samada dipertingkatkan di Kedah dan diperhebatkan dengan bersungguh di Perlis.

KONSEP RAJA BERPERLEMBAGAAN	YA	YA (%)	TIDAK	TIDAK(%)
BIDANG KUASA DAN KEDUDUKAN YDP AGONG DITETAPKAN DAN DILAKSANAKAN MENGIKUT PERLEMBAGAAN NEGARA	148	93.1%	11	6.9%
BIDANG KUASA DAN KEDUDUKAN SULTAN/RAJA DITETAPKAN DAN	136	86%	23	14%

**PERSEPSI RAKYAT TERHADAP INSTITUSI RAJA:
SATU KAJIAN KES DI PERLIS DAN KEDAH**

DILAKSANAKAN MENGIKUT PERLEMBAGAAN NEGERI				
KEDUDUKAN RAJA/SULTAN ADALAH DI ATAS RAKYAT	128	81%	31	19%
RAJA/SULTAN SEBAGAI PEMERINTAH TIDAK TERKAIT DAN TIDAK BERCAMPUR DENGAN POLITIK RAKYAT	119	75%	40	25%
PENTADBIRAN NEGARA DILAKSANAKAN OLEH PERDANA MENTERI DAN KABINET ATAS PERKENAN YDP AGONG	130	82%	29	18%
PENTADBIRAN NEGARA DILAKSANAKAN OLEH MENTERI BESAR DAN EXCO ATAS PERKENAN SULTAN/RAJA	127	80%	32	20%
RAJA/SULTAN SEBAGAI PEMERINTAH DALAM BIDANG EKSEKUTIF, LEGISLATIF DAN JUDISERI	119	75%	40	25%

Mengenai Raja Berperlembagaan pula,sekali lagi rakyat Kedah yang ditemui,mempunyai pemahaman yang tinggi iaitu diantara 75 sehingga 93.1 peratus.Walupun ada yang tidak bersetuju,tetapi jumlahnya agak kecil.Ini mungkin kerana pemahaman mereka yang tidak begitu jelas.Tetapi bagi Perlis pula,ia adalah rendah iaitu diantara 67sehingga 38 peratus,kecuali bidang kuasa pemerintahan diraja mengikut perlembagaan Negara dan negeri.Persoalan yang paling tidak dipersetujui ialah kedudukan Raja/Sultan diatas rakyat dan tidak patut terlibat dalam politik rakyat.

MENAMBAH PENGETAHUAN MENGENAI INSTITUSI RAJA	YA	YA (%)	TIDAK	TIDAK(%)
MELALUI AKHBAR	152	96%	7	4%
MELALUI MAJALAH	130	82%	29	18%
MELALUI PERANAN AGENSI KERAJAAN YANG BERKAITAN	142	89.3%	17	10.7%
MELALUI SALURAN RADIO/TELEVISYEN	141	87%	18	13%
MELALUI PROGRAM CERAMAH/FORUM/BENGGEL/DIALOG	118	74.2%	41	25.8%
MELALUI SUMBER BACAAN SEPerti BUKU/JURNAL	120	75.5%	39	24.5%
MELALUI POSTER/BROSUR/PAMPLET	104	65.4%	55	34.6%
MELALUI SUMBER MEDIA SOSIAL	123	77.4%	36	22.6%

Dalam mencari kaedah yang digunakan untuk mengetahui tentang pemerintahan beraja ini,rakyat di Kedah telah mendapatnya daripada akhbar iaitu 96 peratus.Sementara pengetahuan melalui majalah,agensi kerajaan,radio, televisyen dan media sosial,adalah kaedah yang kedua popular.Begitu juga melalui sumber bacaan sendiri dan ceramah atau bengkel yang diadakan dari semasa kesemasa.Manakala poster merupakan kaedah yang paling rendah,walaupun gantungan poster atau bunting mempamirkan wajah pemerintah

diraja diadakan selalu. Di Perlis pula peratusan keseluruhannya juga adalah baik, kecuali melalui ceramah atau seminar, yang merupakan perkara yang tidak begitu terdedah kepada orang ramai. Mereka lebih biasa dengan menuntut televisyen, mendengar radio dan membaca akhbar-akhbar sahaja.

Kesimpulan Dapatan di Kedah.

Penduduk kampung di Kedah nampaknya yidak begitu peka sepenuhnya dengan institusi raja sebagai Yang di Pertuan Agong, Sultan, Raja dan Yang diPertuan Besar N.Sembilan. Mereka pada keseluruhannya tahu dan sedar dengan kepentingan Baginda semua sebagai pemimpin Negara dan negeri. Mereka sedar tentang bidang kuasa, sumbangan dan peranan Baginda semua didalam bidang pemerintahan dan Negara; namun mereka lebih sedar dan persepsi mereka tinggi terhadap peranan Baginda semua sebagai pelindung agama Islam dan kedudukan istimewa Melayu dan bumiputra Sabah dan Sarawak. Mereka, seperti rakyat Perlis lebih selesa dengan penggunaan akhbar, televisyen, radio dan lain-lain cara konvensional untuk mengetahui atau biasa mendapat maklumat mengenai Baginda semua. Namun, mereka kurang terdedah mengenai Mmajlis Raja-Raja. Hal ini patut diberi perhatian penuh oleh pihak berkuasa. Ajensi-ajensi kerajaan dan swasta mesti membantu membetulkan keadaan ini.

Cadangan Untuk Memberi Pengetahuan Kepada Rakyat/Orang Ramai Mengenai Institusi Raja:

Antara perkara yang boleh dilakukan ialah:

- a) Memperkasakan penggunaan media social untuk memberi maklumat kepada generasi muda. Bagi masyarakat luar bandar, media social tidak begitu dominan, tetapi bagi masyarakat bandar dan pinggir bandar seperti di Kangar, Perlis, dipercayai media social akan dapat memainkan peranan dengan lebih terus kepada golongan muda. Golongan muda luar bandar seperti di Kedah, masih menggunakan media konvensional untuk mendapat maklumat tersebut.
- b) Ajensi-ajensi kerajaan boleh terus memainkan peranan sebagai pemberi maklumat rasmi pemerintahan dan pentadbiran Negara dan negeri, walaupun penerangan ini mungkin terdedah kepada kakitangan kerajaan sahaja. Mereka juga perlu diberi pendedahan yang berterusan. Ajensi juga boleh memainkan peranan yang berkesan kepada masyarakat melalui program-program dari semasa kesama dengan lebih kerap supaya masyarakat dapat didedahkan terus dengan maklumat mengenai institusi raja secara berterusan.
- c) Televisyen, radio dan akhbar, tanpa mengira kepentingan parti atau organisasi, wajar terus memainkan peranan sebagai penyebar maklumat yang berkesan. Tanpa mengira milik kerajaan, swasta, parti atau organisasi tertentu, institusi raja mesti difahami dan didokong oleh semua pihak kerana institusi raja tidak berkaitan dengan politik; ia adalah institusi Negara dan negeri dan tidak berkepentingan politik; ia patut dilihat sebagai pemerintah Negara dan negeri yang berkecuali, tetapi tetap berperanan menjaga keseluruhan kesejahteraan rakyat.
- d) Pihak swasta juga patut memainkan peranan yang penting untuk member kesedaran tentang institusi raja dan kepentingannya kepada Negara. Ini bukan sahaja kepada kakitangan mereka yang terasing daripada pentadbiran Negara, tetapi juga sebagai penyumbang dana kepada kegiatan-kegiatan yang berkaitan. Pihak swasta juga boleh

membuat promosi melalui iklan ataupun memasukkannya dalam produk-produk mereka dengan cara yang bersesuaian. Kesetiaan kepada raja dan Negara seperti prinsip kedua Rukun Negara patut menjadi dokongannya.

RUJUKAN

- Baharuddin Che Pa, Institusi Raja dan Peranannya Terhadap Penyebaran Islam di Alam Melayu Nusantara, http://umexpert.um.edu.my/file/publication/00004886_85011.pdf, diakses pada 5 Mei 2014.
- Khoo Kay Kim, Kedaulatan Raja dan Peranannya Dalam Sebuah Negara Berbilang Bangsa, Wacana: Kedaulatan Raja – Warisan Yang Mesti Dipertahankan; Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam, Selangor; 23 November 2009.
- Jelani Harun, Pengaruh *Sejarah Melayu* dalam Kesultanan Negeri Perak: Suatu Penelitian Sumber dan Fasa Baru *Magna Carta* Melayu, <http://spe.dbp.gov.my/./2013%2015%20kertas%20kerja%20Jelani%20Harun.pdf> ; diakses pada 5 Mei 2014.
- Mohd Sufiean Hassan, Melaka Prihatin Isu Institusi Raja-Raja Melayu Dalam Doktrin Raja Berpelembagaan Negara, Melaka Hari Ini, Rencanan, 1 Julai 2013;17-18.
- Nazri Muslim, Peranan Institusi Raja-raja Melayu Menurut Perlembagaan Dalam Memelihara Kedudukan Islam Dari Perspektif Pendidikan Sejarah; Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013; UMS, 29-30 Ogos 2013.
- Ramlah Adam, 7 Wasiat Raja-Raja Melayu: Satu Analisis Sejarah dan Perlembagaan Negara Malaysia, Prosiding Seminar Institusi Raja, Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 5 Jun 2013.
- Raja Ahmad Mukhlis Raja Jamaludin; Agama Islam, Perlembagaan Persekutuan dan Negara Malaysia: Suatu Analisis Dalam Mempertahankan Kedudukan Agama Islam dan Umat Islam di Malaysia, www.muftiwp.gov.my/./Agama_Islam_Perlembagaan_Persekutuan_dan_Negara_Malaysia.pdf; diakses pada 5 Mei 2014.
- Raja Nazrin Shah, Perlembagaan dan Islam: Peranan Institusi Raja, Titah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Seminar Institusi Raja, Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 5 Jun 2013.
- Raja Nazrin Shah, 2012. *Peranan Institusi Raja Melayu Dalam Memupuk Perpaduan Warga*. RNS Publications.
- Raja Nazrin Shah, 2004. *The Monarchy in Contemporary Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.